

Rumah terjejas **limpahan air busuk**

Sebanyak 15 rumah di PPRT Kampung Sungai Tengar Utara ditenggelami air

■ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM - Sebanyak 15 rumah penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Tengar Utara dilanda banjir lumpur dan berselut berikutan fenomena air pasang besar, semalam.

Kejadian bermula kira-kira jam 7 pagi semalam itu disifatkan paling buruk dalam tempoh tiga hari lalu apabila air dari Sungai Bernam melimpah masuk ke rumah penduduk setinggi hampir satu meter berbanding hanya 0.4 meter yang dicatatkan kelmarin.

Banjir lumpur terjadi berikutan **ban mini baharu yang dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sepanjang kira-kira 250 meter sejak Isnin lalu, berhampiran PPRT kampung itu runtuh sehingga mengakibatkan limpahan air laut dari Ban Tebuk Mendeling.**

Seorang penduduk, Tukiran Rahani, 51, berkata, sejak dua hari lalu air limpahan hanya memenuhi halaman rumahnya, namun bah yang melanda semalam mengakibatkan air memasuki rumah.

"Malam tadi (semalam) saya tidur

“Memang saya dah agak, banjir kali ini akan masuk rumah sebab parasnya lebih tinggi berbanding semalam (kelmarin),” - Tukiran

di pusat pemindahan banjir (Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Air Tawar). Saya balik ke rumah jam 6 pagi, tengok air dah mula naik.

"Memang saya dah agak, banjir kali ini akan masuk rumah sebab parasnya lebih tinggi berbanding semalam (kelmarin)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tukiran berkata, air limpahan itu bukan saja kotor dan berbau busuk, malah turut membawa sampah, lumpur dan bangkai haiwan.

"Memang penat bila banjir turut bawa kotoran. Jenuh nak bersihkan lantai dan dinding rumah lepas banjir surut," katanya.

Menurutnya, meskipun banjir kembali surut, namun air masih bertakung di kawasan tertentu terutama di kawasan rendah.

"Dulu penempatan kami tak ter-



Tukiran (kanan) membersihkan kawasan rumahnya yang dipenuhi lumpur berikutan fenomena air pasang, semalam, sambil diperhatikan Mohd Nor.

jejas bila air pasang besar melainkan pada tahun 2003, tapi sejak projek kelapa sawit dibangunkan anak syarikat kerajaan negeri, keadaannya semakin kritikal.

"Walaupun projek ini tak lagi

dilaksanakan, kami rayu supaya kerajaan negeri bertanggungjawab dan pulihkan semula kawasan ini dengan tanaman paya bakau sebagai benteng hakisan ombak," katanya.

Tukiran yang berniaga makanan

dan minuman berkata, fenomena air pasang itu turut menjejaskan pendapatannya apabila sudah tiga hari tidak bekerja.

"Bayangkanlah kalau sehari saya rugi RM200, kalau seminggu macam mana pula? Mungkin minggu depan, baru boleh berniaga sebab makanan yang dijual ini disediakan di rumah.

"Kalau rumah berterusan naik air, macam mana saya nak berniaga," katanya.

Mohd Nor Isa Othman, 56, berkata, kehidupan penduduk di situ tidak pernah tenteram setiap kali berlakunya fenomena air pasang kerana perlu berjaga-jaga dengan paras air yang naik mendadak.

"Bagaimana nasib kami kalau asyik kena pindah tiap-tiap bulan. Saya rayu supaya ada penyelesaian terbaik atasi masalah ini," katanya.

Marjuki Bazidan, 50, berkata, dia menyedari air mulai naik ke rumah pada jam 6.30 pagi semalam selepas mendengar suara bising kucing-kucingnya di luar rumah.

"Bila saya buka pintu nampak air dah naik. Sempat juga saya pindahkan 17 kucing ke tempat lebih tinggi," katanya.